

ALOR SETAR, 1 JULAI 1972 (BERNAMA) - SHARIKAT2 PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN HARI INI DI-SERU SUPAYA MENCHONTOHI SHARIKAT BEKERJASAMA PENGELUARAN DAN PEMASARAN IKAN KUALA KEDAH DENGAN MEMBERI PELUANG YANG SAMA KAPADA ORANG2 KAYA DAN MISKIN TANPA MENGIIRA KAUM.

LANGKAH INI AKAN DAPAT MENERGATKAN LAGI SEMANGAT PERSEFAHAMAN DAN PERPADUAN ANTARA DUA GOLONGAN ITU.

DR. MAHATHIR BIN MOHAMED YANG MENYERU DEMIKIAN BERKATA INI ADA-LAH PERLU KERANA PERPADUAN MERUPAKAN SATU ALAT YANG PENTING UNTUK MEMAJUKAN LAGI EKONOMI NEGARA.

BELIAU MEMBUAT SERUAN ITU KETIKA MERASMIKAN BANGUNAN TAMBAHAN SHARIKAT BEKERJASAMA PENGELUARAN DAN PEMASARAN IKAN DI-KUALA KEDAH, KIRA2 ENAM BATU DARI SINI.

SHARIKAT YANG DI-TUBOHKAN DALAM TAHUN 1964 ITU SEKARANG MEMPUNYAI 315 ORANG AHLI BERBAGAI KAUM.

DR. MAHATHIR YAKIN JIKA TIAP2 SHARIKAT PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN MENJALANKAN DASAR SAPERTI ITU, USAHA BAGI MENINGGIKAN TARAF EKONOMI ORANG2 MISKIN DAPAT DI-LASANAKAN DENGAN CHEPAT. - BERNAMA 1603/74